JURNAL YADIM
ياياسن دعوه اسلامية مليسيا
"International Journal Of Islam And Contemporary Affairs"

Vol. 4 (1) | JUN 2024: 90-109
E-ISSN: 2785-8898
www.e-jurnal.yadim.com.my

Submission date: 11 Mei 2024 Acceptance date: 28 Mei 2024 Available online: 30 Jun 2024

PERANAN PENDAKWAH MENERUSI KONSEP AL-HIKMAH KEPADA MUALAF: SATU SOROTAN AWAL MENERUSI PERSPEKTIF AL-QURAN

THE ROLE OF PREACHERS BASED ON THE CONCEPT OF AL-HIKMAH TOWARDS NEW MUSLIM CONVERTS: A PRELIMINARY REVIEW FROM THE PERSPECTIVE OF THE AL-QURAN

[i]* Aini Sofia Che Daud & [ii] Berhanundin Abdullah

[i-ii]Fakulti Pengajian Kontemporari Islam (Dakwah),
Universiti Sultan Zainal Abidin (Kampus Gong Badak),
21300 Kuala Terengganu, Terengganu.

Corresponding Author; e-mail: *ainisofia.rs@gmail.com

DOI: 10.61465/jurnalyadim.v4.215

ABSTRAK

Pendakwah merupakan individu yang bertanggungjawab dalam menyempurnakan penyampaian mesej dakwah kepada seluruh masyarakat terutamanya kepada golongan khusus seperti mualaf dengan penyampaian yang berhikmah. Penyampaian dakwah secara konsep *al-hikmah* menjadi salah satu cabang penting dalam skop penyampaian dakwah oleh para pendakwah. Justeru itu, pentingnya peranan pendakwah dalam menyampaikan dakwah menggunakan konsep *al-hikmah* dalam penyampaian mereka supaya dapat diterima dengan baik oleh mualaf. Oleh demikian, objektif kajian ini adalah untuk mengkaji peranan pendakwah dalam menyampaikan mesej dakwah kepada mualaf berdasarkan konsep *al-hikmah* menurut perspektif al-Quran. Kajian ini menggunakan metod kualitatif iaitu kajian berbentuk dokumentasi disertakan dengan dalil-dalil daripada al-Quran, hadis dan pandangan beberapa orang pakar dakwah kepada mualaf. Hasil kajian mendapati bahawa peranan pendakwah berdasarkan konsep al-hikmah menunjukkan penerimaan yang baik dalam diri mualaf supaya mengamalkan mesej dakwah bertunjangkan kepada aspek akidah, syariah dan akhlak. Hal ini kerana, konsep *al-hikmah* yang bersifat bijaksana dan lembut lebih mudah diterima oleh golongan mualaf yang baru dijinakkan hati mereka.

Kata kunci: *peranan, pendakwah, konsep al-hikmah, mualaf, al-Quran*

ABSTRACT

The preacher is an individual who is responsible for perfecting the delivery of message da'wah to the entire society, especially to the specific groups such as new *muslim* converts *(mualaf*) with wisdom. The delivery of da'wah with the concept of *al-hikmah* is one of the significant branches in the scope of delivering da'wah by preachers. Therefore, very importance to the preacher's in delivering da'wah using the concept of *al-hikmah* in their delivery so that it can be well received by converts. Thus, the objective of this study is to examine the role of preachers in delivering the message of da'wah to converts based on the concept of *al-hikmah* from the perspective of the Quran. This study employs a qualitative method, which is documentation research, supplemented with evidence from the Quran, hadith, and the views of several da'wah experts to converts. The results of the study found that the role of preachers based on the concept of *al-hikmah* shows good acceptance in converts in order to practice preaching messages pointing to aspects of faith, sharia and morals. This is because the concept of *al-hikmah*, which is wise and gentle is more easily accepted by the converts who have just tamed their hearts.

Keywords: role, preacher, concept of al-hikmah, converts, al-Quran.

PENGENALAN

Penyampaian dakwah menerusi kaedah *al-hikmah* merupakan satu konsep yang perlu digunakan oleh pendakwah dalam proses penyampaian dakwah kepada seluruh manusia terutamanya kepada golongan mualaf. Menurut *Ibrahim Abdullah al-Mutlaq* (2010), pendekatan atau teknik penyampaian yang baik adalah dengan menggunakan pendekatan secara *al-hikmah*. *Al-hikmah* berasal daripada kata dasar *hakama* yang membawa maksud memutuskan ketetapan. *Al-hikmah* turut merujuk kepada maksud *al-'ilm*, iaitu orang yang mempunyai *al-hikmah* (Nor Raudah, 2013). *Al-Hikmah* adalah tahap yang lebih tinggi berbanding ilmu pengetahuan, kemahiran, maklumat, fakta dan data. Manakala, *al-hikmah* secara *harfiah* memberi maksud ucapan yang sesuai dengan kebenaran, falsafah, perkara yang benar dan lurus, pengetahuan, keadilan dan berlapang dada dalam setiap perkara. *Al-hikmah* dari segi bahasa pula mempunyai sembilan pengertian iaitu keadilan, kenabian, tahan marah, suatu yang tidak memperlihatkan kejahilan, perkataan yang bertepatan dengan yang hak (kebenaran), meletakkan sesuatu pada tempatnya, perkataan yang betul dan tepat, sesuatu yang mencegah daripada berlaku kerosakan dan mengetahui setiap perkara dengan sebaik-baik ilmu (Zaini Ujang, 2009). Berdasarkan skop *al-hikmah* ini pendakwah perlu bijak menyusun teknik penyampaian dakwah berkesan agar dapat diterima oleh golongan mualaf dalam mengamalkan ajaran Islam.

PERNYATAAN MASALAH

Sehubungan dengan itu, penyampaian dakwah kepada mualaf dengan menggunakan konsep *al-hikmah* merupakan satu perkara penting sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Nahl ayat 125 yang menyuruh penyampaian dakwah disampaikan secara berhikmah. Hal ini memerlukan kepada perhatian pelbagai pihak baik pendakwah, institusi agama, kerajaan atau pihak swasta dalam memperkasakan kompetensi pendakwah dalam menguasai konsep al-hikmah dalam penyampaian dakwah mereka. Pengabaian terdapat konsep *al-hikmah* dalam berdakwah menimbulkan pelbagai kepincangan apabila konsep *al-hikmah* ini tidak diaplikasikan dengan baik oleh para pendakwah. Permasalahan terbesar yang akan berlaku adalah apabila terdapat kalangan mualaf yang kembali murtad setelah memeluk agama Islam sebagaimana kajian daripada pengkaji dakwah mualaf seperti Azhar Yaakub (2000), Norhafizah (2002), Nurul Afifah dan Siti Aisyah (2015) yang mengatakan terdapat pelbagai faktor berlakunya murtad seperti perceraian, tekanan keluarga, bebanan kewangan, dipulau ahli keluarga dan rakan-rakan, ketiadaan pimpinan berterusan dari sudut keilmuan Islam, tidak terus mendalami ajaran Islam setelah memeluk agama Islam dan memeluk Islam hanya kerana ingin berkahwin serta tidak menambahkan kecintaan kepada Islam. Perkara ini dilihat hilangnya konsep al-hikmah dalam menelusuri kehidupan mualaf sehingga terjadinya perkara murtad tersebut. Seterusnya, kekurangan pendekatan al-hikmah oleh pendakwah semasa proses membimbing mualaf menimbulkan tekanan dan perasaan kurang selesa dalam mempelajari agama Islam. (Siti Rugayah et.al, 2014). Pendakwah yang tidak menggunakan pendekatan *al-hikmah* cenderung untuk menggunakan kekerasan baik dari segi suara yang lantang, tekanan pembelajaran yang tidak sesuai dengan kefahaman dan peringkat umur mualaf.

PERSOALAN KAJIAN

Terdapat beberapa persoalan kajian dalam mencapai objektif kajian ini antaranya adalah sebagaimana berikut:

1. Apakah definisi *al-hikmah* dan mualaf?
2. Apakah konsep *al-hikmah* secara umum?
3. Bagaimanakah peranan pendakwah menerusi konsep *al-hikmah* kepada mualaf

TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk menjelaskan definisi *al-hikmah*, definisi mualaf serta menghuraikan konsep *al-hikmah* secara umum. Seterusnya, kajian ini mengkaji apakah peranan pendakwah menerusi konsep *al-hikmah* dalam menyampaikan dakwah kepada mualaf. Pengkaji juga ingin mengemukakan beberapa peranan pendakwah berdasarkan aspek penyampaian dakwah berdasarkan pendekatan dakwah yang sesuai dipraktikkan kepada mualaf. Seterusnya, menerusi kajian ini dapat menjelaskan kepentingan kajian apabila pengkaji dapat menyediakan satu rujukan kepada masyarakat tentang peranan berdakwah kepada mualaf secara konsep *al-hikmah*.

METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian yang digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini adalah secara kajian kualitatif. Kajian kualitatif adalah satu metod yang berbentuk deskriptif, berupa kata-kata lisan dan tulisan tentang tingkah laku manusia yang dapat diteliti oleh pengkaji dalam menjalankan penyelidikan (Taylor et.al, 1984). Menerusi kajian kualitatif, data kajian dikumpulkan secara analisis pemerhatian, temubual dan dokumentasi. Justeru itu, berdasarkan kajian ini pengkaji menggunakan kaedah dokumentasi iaitu mengumpulkan data kajian menerusi dokumen yang terpilih seperti kitab-kitab tafsir, kitab-kitab hadis, buku, artikel, jurnal dan beberapa sumber penulisan yang lain. Data yang diperolehi menerusi dokumen dianalisis secara kaedah analisis kandungan iaitu suatu teknik penyelidikan yang dijalankan dengan membuat kesimpulan secara sistematik dan objektif melalui data dokumen (Rohana Yusof, 2004).

SOROTAN LITERATUR

Abu Fath Al-Bayanuni (2010) dalam kitab beliau *"al-Madkhal Ila 'Ilmi al-Da'wah"* mendefinisikan dakwah secara umumnya ialah menyampaikan ajaran agama Islam kepada manusia, mengajarkannya dan melaksanakannya dalam realiti kehidupan. *Al-Bayanuni* (2010) turut menyenaraikan beberapa definisi dakwah yang telah dikemukakan oleh ulama' dan pakar dakwah antaranya ialah *Dr. Ahmad Ghalwasy* dalam kitab beliau *"ad-Da'wah al-Islamiyyah"* mengatakan ilmu dakwah adalah ilmu untuk mengetahui keadaan menyeluruh tentang teknik

atau kesenian yang pelbagai dalam berdakwah. Hal ini bertujuan untuk menyampaikan ajaran Islam kepada umat manusia yang mencakupi akidah, syariat dan akhlak. Kewajipan menyampaikan dakwah ini dipertanggungjawabkan kepada seluruh umat manusia sebagaimana firman Allah SWT dalam surah ali-Imran (3:104) berikut:

وَلۡتَكُن مِّنكُمۡ أُمَّةٞ يَدۡعُونَ إِلَى ٱلۡخَيۡرِ وَيَأۡمُرُونَ بِٱلۡمَعۡرُوفِ وَيَنۡهَوۡنَ عَنِ ٱلۡمُنكَرِۚ وَأُوْلَٰٓئِكَ هُمُ ٱلۡمُفۡلِحُونَ ١٠٤

Maksudnya: *dan hendaklah ada antara kamu satu kumpulan yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan (mengembangkan Islam), dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala yang salah (buruk dan keji), dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya.*

Berdasarkan ayat di atas, jelas bahawa hukum menyampaikan dakwah menjadi suatu perkara fardu bagi setiap muslim khususnya kepada para pendakwah. Dakwah melibatkan beberapa rukun dakwah yang menjadi tunjang pelestarian sesuatu dakwah berkesan antaranya ialah pendakwah, penerima dakwah, mesej dakwah dan wasilah dakwah (*Al-Bayanuni*, 2010). Justeru itu, pendakwah perlu peka dalam memainkan peranan mereka dalam penyampaian dakwah kepada golongan sasaran, penerima dakwah atau dikenali juga sebagai *mad'u* yang pelbagai bangsa, agama dan budaya. Tidak terkecuali juga penyampaian dakwah kepada golongan yang baru sahaja memeluk agama Islam atau golongan yang dijinakkan hati mereka sebagaimana firman Allah SWT dalam surah at-Taubah ayat (9:60) berikut:

إِنَّمَا ٱلصَّدَقَٰتُ لِلۡفُقَرَآءِ وَٱلۡمَسَٰكِينِ وَٱلۡعَٰمِلِينَ عَلَيۡهَا وَٱلۡمُؤَلَّفَةِ قُلُوبُهُمۡ وَفِي ٱلرِّقَابِ وَٱلۡغَٰرِمِينَ وَفِي سَبِيلِ ٱللَّهِ وَٱبۡنِ ٱلسَّبِيلِۖ فَرِيضَةٗ مِّنَ ٱللَّهِۗ وَٱللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٞ ٦٠

Maksudnya: *Sesungguhnya zakat-zakat itu, hanyalah untuk orang-orang fakir, orang-orang miskin, pengurus-pengurus zakat, para mualaf yang dipujuk hatinya, untuk (memerdekakan) hamba, orang-orang yang berhutang, untuk jalan Allah dan untuk mereka yang sedang dalam perjalanan, sebagai suatu ketetapan yang diwajibkan Allah, dan Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana.*

Mualaf ialah orang yang dijinakkan atau dipujuk hati mereka untuk menerima ajaran agama Islam dan mengamalkan Islam sebagai satu cara hidup. Menurut Siti Rugayah et.al (2014), mualaf ialah gelaran bagi individu yang baru memeluk agama Islam. Istilah mualaf atau *"mualafatu qulubuhum"* sebagaimana ayat dalam surah at-Taubah di atas bermaksud individu

yang dijinakkan hatinya untuk cenderung kepada agama Islam. Hal ini jelas menunjukkan bahawa golongan mualaf atau disebut juga sebagai saudara baharu merupakan golongan yang perlu diberikan perhatian dalam Islam (Noreha Che Abah, Asmawati Suhid dan Fathiyah Mohd. Fakhruddin, 2019).

Oleh yang demikian, dalam mendekati golongan sasar mualaf ini, pendakwah memerlukan satu aspek penyampaian yang sesuai agar ajaran agama Islam dapat diterima dengan baik oleh mereka. Terdapat beberapa aspek penyampaian menurut al-Quran yang dapat dijadikan panduan kepada para pendakwah dalam mempersembahkan isi kandungan dakwah yang sempurna. Hal ini sebagaimana firman Allah SWT dalam surah an-Nahl (16:125) berikut:

ٱدۡعُ إِلَىٰ سَبِيلِ رَبِّكَ بِٱلۡحِكۡمَةِ وَٱلۡمَوۡعِظَةِ ٱلۡحَسَنَةِۖ وَجَٰدِلۡهُم بِٱلَّتِي هِيَ أَحۡسَنُۚ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعۡلَمُ بِمَن ضَلَّ عَن سَبِيلِهِۦ وَهُوَ أَعۡلَمُ بِٱلۡمُهۡتَدِينَ ١٢٥

Maksudnya: *Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmah kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik; sesungguhnya Tuhanmu Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalan-Nya, dan Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk.* An-Nahl: 16:125

Penerangan ayat di atas adalah supaya pendakwah menyampaikan dakwah secara berhikmah dan bijaksana dalam mengatur strategi dakwah meski akan berlaku perdebatan dalam mencari kebenaran, pendakwah perlu berhujah dengan isi kandungan dakwah yang baik, penuh dengan adab sopan dan berakhlak. Ini sebagaimana kisah yang terjadi ketika Rasulullah SAW meminta Saidina Ali RA untuk membawa panji ketika berlakunya peperangan Khaibar. Kemudian Saidina Ali berkata, kami akan menentang dan melawan musuh sehingga mereka menjadi muslim, dan Rasulullah SAW lalu berkata: bersabarlah, sehingga kamu berjumpa dengan mereka dan mengajak mereka untuk memeluk agama Islam maka Allah akan bersama mereka. (Laman Web Mufi Wilayah Pesekutuan, 2024). Demikian juga sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari berikut bahawa orang menyampaikan dakwah dan menjadi asbab kepada kebaikan akan mendapat ganjaran yang hebat daripada Allah SWT:

فَوَاللَّهِ لَأَنْ يُهْدَى بِكَ رَجُلٌ وَاحِدٌ خَيْرٌ لَكَ مِنْ حُمْرِ النَّعَمِ

Maksudnya: "*Demi Allah, apabila ada seorang sahaja yang mendapat petunjuk melalui dirimu, maka itu adalah lebih baik bagimu daripada unta merah (jenis unta yang paling baik).*" (Hadis riwayat al-Bukhari, No. 2942)

KONSEP *AL-HIKMAH* SECARA UMUM

Konsep *al-hikmah* ini telah diterangkan oleh Allah SWT di dalam surah al-Nahl ayat 125 yang menuntut supaya dakwah disampaikan dengan menggunakan uslub *al-hikmah*. Tuntutan ini menyeru para pendakwah agar menyemai konsep *al-hikmah* dalam setiap penyampaian baik dari segi tutur kata atau perbuatan. *Al-hikmah* berasal daripada perkataan *hakama* yang membawa erti memutuskan ketetapan. *Al-hakam* pula diertikan dengan *al-Qada'* iaitu keputusan. Manakala *al-hakim* ialah orang yang membuat sesuatu keputusan dan benar-benar memahami tentang sesuatu perkara dan melakukannya dengan penuh teliti (Nor Raudah, 2013). Kata *al-hikmah* juga merujuk kepada *al-'ilm* iaitu orang yang mempunyai hikmah dalam melakukan sesuatu perkara yang halus dan rumit dengan penuh kualiti dan teliti. *Al-hikmah* ini juga menjelaskan tentang makna meletakkan sesuatu pada tempat yang sesuai, berlaku adil dalam merumuskan sesuatu keputusan, serta menekankan budaya kerja dengan sifat *al-'itqan*. Setiap tindakan yang dilakukan dengan sikap *al-hikmah* akan menghasilkan keluhuran luhur budi pekerti, mengerahkan akal yang cemerlang, menggerakkan kebaikan serta menghalang kerosakan dalam diri sendiri, masyarakat dan negara (Nor Raudah, 2013).

Menurut *Al-Bayanuni* (2010), konsep *al-hikmah* dalam melaksanakan tugasan dakwah ialah menyampaikan dakwah sesuai dengan keadaan sasaran dakwah dan meletakkan sesuatu pada tempatnya. Terdapat beberapa pembahagian uslub dalam konsep *al-hikmah* yang dapat disenaraikan oleh *Al-Bayanuni* antaranya yang pertama ialah melakukan pemilihan terhadap isi penyampaian atau pendekatan isi penyampaian dakwah. Hal ini menegaskan supaya pendakwah menyesuaikan sesuai isi penyampaian dakwah dengan keadaan sasaran dakwah agar mereka dapat menerima penyampaian dengan baik sekaligus memahami ajaran Islam yang disampaikan. Uslub konsep *al-hikmah* yang kedua ialah menggunakan uslub (gaya bahasa) dengan makna yang khusus atau menggunakan bentuk persembahan isi yang baik. Sesuatu penyampaian yang menggunakan persembahan penyampaian yang baik mendorong mualaf atau sasaran dakwah yang lain untuk memahami ajaran Islam dengan lebih mudah dan efisien. Manakala uslub konsep

al-hikmah yang ketiga ialah pendakwah perlu melakukan pemilihan saluran atau media yang sesuai dengan sasaran dakwah. Hal ini juga termasuk dalam konsep *al-hikmah* atas faktor membantu kefahaman sasaran dakwah dalam menganalisis sesuatu maklumat yang diperolehi daripada pendakwah. Pemilihan medium, saluran atau media yang betul membolehkan penyampaian lebih berkesan dengan wujudnya saluran penyampaian yang pelbagai baik dari segi penggunaan teknologi, penyampaian secara langsung atau menerusi penyampaian secara talian.

Konsep *al-hikmah* ini juga telah digariskan dalam al-Quran dalam surah *al-An'am* ayat 78 yang menunjukkan bagaimana cara yang digunakan oleh Nabi Ibrahim AS dalam menyampaikan uslub dakwah kepada ummat baginda sebagaimana berikut:

فَلَمَّا رَأَى الشَّمْسَ بَازِغَةً قَالَ هَذَا رَبِّي هَذَا أَكْبَرُ فَلَمَّا أَفَلَتْ قَالَ يَا قَوْمِ إِنِّي بَرِيءٌ مِمَّا تُشْرِكُونَ(٧٨)

Maksudnya: *Kemudian apabila dia melihat matahari sedang terbit (menyinarkan cahayanya), berkatalah dia: "Inikah Tuhanku? Ini lebih besar". Setelah matahari terbenam, dia berkata pula: ` Wahai kaumku, Sesungguhnya aku berlepas diri (bersih) dari apa yang kamu sekutukan (Allah dengannya)*. *Al-An'am* (6): 78

Hal ini jelas menunjukkan bahawa penyampaian dakwah dengan menggunakan uslub secara *al-hikmah* adalah suatu perkara yang penting. Uslub dakwah secara *al-hikmah* adalah signifikan bagi memastikan mesej dakwah yang disampaikan lebih berkesan. Hal ini kerana ianya merupakan elemen penting dalam mengolah mesej-mesej dakwah yang bakal disampaikan oleh golongan pendakwah baik pendakwah. Pemahaman uslub dakwah menerusi konsep *al-hikmah* ini membantu golongan pendakwah mengatasi tahap kesukaran dalam menyampaikan dakwahnya. Jika sesuai sesuatu uslub yang disampaikan oleh pendakwah, maka mudah untuk pendakwah mencapai matlamat mereka dalam lapangan dakwah yang penuh tribulasi ini (Fariza et. al, 2016).

Sehubungan dengan itu, konsep *al-hikmah* ini dapat dilakukan dengan pelbagai penyampaian baik dengan kaedah lemah lembut atau secara keras. Hal ini sebagaimana penerangan '*Ali al-Murshid* (1989) yang menjelaskan bahawa konsep *al-hikmah* bukan sahaja meliputi pengerian lembut, kasih sayang, rahmat, ketenangan dan perkataan yang baik sahaja. Namun, *al-hikmah* ini juga ditafsirkan dengan pengertian lembut dan kuat, kasih sayang dan

perang. Peperangan bukan bermaksud melemahkan akan tetapi membawa definisi *al-hikmah* menerusi kekuatan yang dapat menundukkan dan mempengaruhi sasaran dakwah. Meski begitu, *al-hikmah* ini lebih sinonim menerusi pendekatan yang bermula dengan kelembutan, kedamaian dan ketenangan dalam menyampaikan ajaran Islam (Ab. Aziz, 2001).

DAPATAN KAJIAN

Peranan Pendakwah Menerusi Konsep *Al-Hikmah* Kepada Mualaf

Mualaf atau dikenali juga dengan istilah saudara baharu merupakan insan yang suci bersih daripada sebarang dosa. Setelah memeluk Islam, mualaf diibaratkan seperti bayi yang baru dilahirkan ke dunia dan diumpamakan juga bak kain yang putih. Ini sesuai sebagaimana hadis Rasulullah SAW dalam sahih Riwayat al-Bukhari (1385) berikut:

كُلُّ مَوْلُودٍ يُولَدُ عَلَى الْفِطْرَةِ، فَأَبَوَاهُ يُهَوِّدَانِهِ أَوْ يُنَصِّرَانِهِ أَوْ يُمَجِّسَانِهِ

> Maksudnya: "*Setiap anak dilahirkan dalam keadaan fitrah iaitu suci bersih. Kedua orang tuanyalah yang membuatnya menjadi Yahudi, Nasrani atau Majusi*."

Demikian juga mualaf yang baru memeluk Islam memerlukan kepada panduan, bimbingan, nasihat, petunjuk dan hikmah daripada pendakwah. Bimbingan pendakwah ini dapat mencorak kehidupan mereka dengan warna-warna kebaikan menuju jalan yang benar. Justeru itu, terdapat beberapa peranan pendakwah yang dapat digariskan oleh pengkaji menerusi kajian ini sebagaimana penjelasan berikut:

- **Pendakwah Merupakan *Qudwah Hasanah* Kepada Mualaf**

Pendekatan dakwah secara *al-hikmah* sebagaimana penjelasan surah an-Nahl ayat 125, telah mengajak para pendakwah menggunakan pendekatan *al-hikmah* dan bijaksana dalam penyampaian. Hal ini kerana, kebanyakan mualaf yang memeluk agama Islam menjadikan seorang pendakwah sebagai satu *qudwah*, ikutan atau *role model* dalam kehidupan mereka. Personaliti pendakwah yang mempunyai keterampilan yang baik, akhlak yang pekerti, peribadi

yang unggul, susunan kota yang lembut, berintegriti dan professional akan memujuk hati mualaf lebih mudah menerima Islam. Sebaliknya, jika pendakwah tidak menitikberatkan soal personaliti yang baik, justeru akan membawa kepincangan kepada agama Islam (Izzaty Ulya, 2018). Bahkan, jika ditelusuri perjalanan dakwah Rasulullah SAW, baginda sendiri merupakan satu ikutan atau *qudwah hasanah* yang baik kepada umat baginda. Allah SWT telah berfirman di dalam surah *al-Ahzab* (33:21) bahawa Rasulullah SAW merupakan contoh teladan terbaik kepada umat manusia dalam segenap hal kehidupan:

﴿لَّقَدۡ كَانَ لَكُمۡ فِي رَسُولِ ٱللَّهِ أُسۡوَةٌ حَسَنَةٞ لِّمَن كَانَ يَرۡجُواْ ٱللَّهَ وَٱلۡيَوۡمَ ٱلۡأٓخِرَ وَذَكَرَ ٱللَّهَ كَثِيرٗا ٢١﴾

Maksudnya: *Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan (keredaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta ia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang)*

Jelas bahawa tauladan yang baik akan mencerminkan kesyumulan Islam dalam mentarbiah mualaf. Ini telah dibuktikan oleh sejarah apabila telah ramai yang memeluk Islam apabila melihat keperibadian Rasulullah SAW yang sentiasa mendahulukan akhlak dan adab dalam menyampaikan dakwah. Rasulullah SAW meletakkan akhlak yang baik sebagai tontonan kepada masyarakat jahiliah pada ketika itu supaya mereka melihat bahawa Islam adalah agama kebaikan dan rahmat buat sekalian alam. Sebagai pendakwah yang menyambung legasi dakwah Rasulullah SAW, para pendakwah perlu bertanggungjawab memainkan peranan secara *al-hikmah* dalam penyampaian seperti mana yang dilaksanakan oleh Rasulullah SAW. Peranan pendakwah bukan sahaja perlu memahami dari segi fizikal semata-mata, bahkan perlu merawat emosi dan rohani mualaf juga. Hal ini juga dapat dibuktikan dengan kajian Nur A'thiroh Masyaa'il dan Fariza Md Sham (2009) dalam kajian yang bertajuk "Keperluan Memahami Psikologi Saudara Muslim" mengatakan bahawa mualaf ini memerlukan kepada sokongan, didikan, dan latihan yang berterusan agar dapat menambahkan pemahaman Islam yang baik dalam diri mereka serta dapat membantu mualaf mengurus emosi dengan baik.

- **Menyampaikan Mesej Dakwah Mengikut Tahap Pengetahuan Mualaf**

Pendakwah yang bersifat *al-hikmah* dan bijaksana tidak akan mengabaikan aspek penting yang perlu dipandang secara mendalam dalam menyampaikan mesej dakwah yang jelas dan sesuai dengan tahap penerimaan mualaf. Menurut kajian yang dijalankan oleh Aini Sofia (2020) yang bertajuk "Persepsi Da'I Terhadap Kerelevanan dan Penyampaian *Mawdu'* Dakwah Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan Kepada Mualaf", beliau telah menyatakan bahawa terdapat tiga aspek utama dalam penyampaian mesej dakwah antaranya ialah aspek akidah, syariat dan akhlak. Mesej dakwah yang sesuai dengan tahap penerimaan mualaf seperti aspek akidah yang menekankan konsep Tauhid dapat difahami dengan baik sekiranya pendakwah menggunakan modul yang sesuai dengan tahap penerimaan mualaf. Berdasarkan firman Allah SWT dalam surah *al-Baqarah* (2:285) terdapat beberapa elemen akidah yang telah dinyatakan:

﴿ءَامَنَ ٱلرَّسُولُ بِمَآ أُنزِلَ إِلَيۡهِ مِن رَّبِّهِۦ وَٱلۡمُؤۡمِنُونَۚ كُلٌّ ءَامَنَ بِٱللَّهِ وَمَلَٰٓئِكَتِهِۦ وَكُتُبِهِۦ وَرُسُلِهِۦ لَا نُفَرِّقُ بَيۡنَ أَحَدٖ مِّن رُّسُلِهِۦۚ وَقَالُواْ سَمِعۡنَا وَأَطَعۡنَاۖ غُفۡرَانَكَ رَبَّنَا وَإِلَيۡكَ ٱلۡمَصِيرُ٢٨٥﴾

Maksudnya: *Rasulullah telah beriman kepada apa yang diturunkan kepadanya daripada Tuhannya, dan juga orang-orang yang beriman; semuanya beriman kepada Allah, dan Malaikat-malaikat-Nya, dan Kitab-kitab-Nya, dan Rasul-rasul-Nya. (Mereka berkata): "Kami tidak membezakan antara seorang dengan yang lain Rasul-rasul-Nya". Mereka berkata lagi: Kami dengar dan kami taat (kami pohonkan) keampunan-Mu wahai Tuhan kami, dan kepada-Mu jualah tempat kembali"*

Surah *al-Baqarah* ayat 285 ini menegaskan bahawa terdapat unsur akidah yang dapat dibahagikan kepada enam perkara yang juga dikenali sebagai rukun iman. Antaranya ialah kepercayaan yang utuh kepada Allah SWT, malaikat, kitab, rasul, hari kiamat dan qadak qadar Allah SWT. Oleh yang demikian, para pendakwah perlu bijak mencari ruang dalam menyampaikan pendidikan akidah kepada masyarakat terutamanya kepada mualaf (Aini Sofia & Berhanundin Abdullah, 2018).

Selain itu, penyampaian mesej dakwah yang melibatkan aspek ibadah juga perlu menjadi keutaman dalam skop penyampaian pendakwah. Ibadah merupakan tunjang kepada kesahan suatu ibadah yang dilakukan oleh mualaf. Jika dilihat permasalahan yang berlaku kepada

golongan mualaf adalah apabila masih terdapat golongan mualaf yang telah lama memeluk agama Islam tetapi masih ada segelintir yang tidak dapat melaksanakan ibadah dengan baik, tidak mampu membaca al-Quran dan melaksanakan solat dengan sempurna. Ini disebabkan oleh beberapa faktor termasuklah akibat kurangnya peranan pendakwah dan tiada penyampaian dakwah yang berterusan kepada golongan mualaf ini. Bahkan akan terus menyebabkan kemerosotan dalam mengamalkan ajaran Islam apabila tidak mengikuti kelas-kelas penyampaian agama yang dianjurkan oleh institusi agama (Zulkifli Hamid (2013), Faizal Arif (2013), Yusof Marlon et.al (2017), & Aini Sofia (2020)). Oleh demikian, penyampaian pendakwah perlu sesuai mengikut tahap penerimaan mualaf agar mesej dakwah dapat diaplikasikan sebagai satu landasan hidup dalam beragama oleh mualaf.

- **Pendekatan Bahasa yang Mudah, Lembut dan Difahami oleh Mualaf**

Pendakwah yang berkemahiran tinggi seperti mampu menguasai pelbagai bahasa merupakan satu kelebihan dalam menyampaikan dakwah seperti mampu menguasai Bahasa Inggeris, Bahasa Arab, Mandarin, Thailand dan sebagainya. Penggunaan bahasa ini memudahkan golongan yang tidak fasih Bahasa Melayu untuk memahami penyampaian dakwah menggunakan bahasa mereka tersendiri. Menurut hasil kajian yang dijalankan terhadap mualaf di Kelantan, dielek dan bahasa yang mudah menjadi salah satu faktor pendorong kepada mualaf untuk menghadiri kelas fardhu ain yang dijalankan oleh pihak Jabatan Agama Islam Kelantan (JAHEAIK). Terdapat juga para pendakwah yang juga merupakan seorang mualaf menjadi salah seorang tenaga pengajar di kelas-kelas fardhu ain yang dijalankan. Pendekatan bijaksana dalam memilih tenaga pengajar yang berasal daripada kaum mereka sendiri ini membolehkan komunikasi antara pelajar dan pengajar berjalan dengan baik. (Aini Sofia, 2020).

Selain itu, menurut hasil kajian yang dijalankan oleh Noraini Mohamad dan Mariam Abd Majid (2019) terhadap mualaf di Institut Latihan Dakwah Selangor (ILDAS) mendapati bahawa penggunaan kaedah toleransi dapat membantu mualaf memahami kaedah pengajaran yang disampaikan oleh tenaga pengajar. Selain itu, terdapat juga tenaga pengajar atau pendakwah ini menggunakan pemilihan perkataan yang baik dan senang didengari oleh mualaf seperti panggilan kakak, abang, ustaz, ustazah, ahli syurga dan sebagainya. Perkataan yang dipilih menjadikan mualaf lebih rapat dengan pendakwah seperti hubungan kekeluargaan. Justeru itu,

dapat dilihat bahawa panggilan yang baik merupakan antara elemen hikmah yang amat tinggi nilainya di sisi Islam. Hal ini kerana Rasulullah SAW sendiri menyarankan panggilan yang baik kepada saudara sesama Islam dan mengelakkan umat Islam daripada menggunakan perkataan yang keji.

Bahkan, pendekatan *al-hikmah* dengan menggunakan bahasa yang lembut dan mudah difahami ini juga dapat dipelajari daripada kisah Nabi Musa AS yang menggunakan perkataan lembut semasa berbicara dengan Firaun sebagaimana surah Taha (20:44) berikut:

﴿فَقُولَا لَهُۥ قَوۡلٗا لَّيِّنٗا لَّعَلَّهُۥ يَتَذَكَّرُ أَوۡ يَخۡشَىٰ ٤٤﴾

Maksudnya: "*Kemudian hendaklah kamu berkata kepadanya, dengan kata-kata yang lemah-lembut, semoga ia beringat atau takut".*

Ibnu Kathir dalam kitab beliau menjelaskan bahawa Allah SWT memerintahkan supaya Nabi Musa AS menggunakan perkataan yang lemah-lembut ketika berbicara dengan Firaun. Metod dakwah yang telah digariskan oleh Allah SWT ini begitu dekat dengan jiwa seorang pendakwah agar mendekati golongan sasaran dengan baik dan lembut. Meski Firaun adalah satu sosok yang keras dan kejam, namun hikmahnya Allah SWT mengajarkan kepada Nabi Musa AS dan menjadi panduan kepada seluruh umat manusia supaya meletakkan kelembutan terlebih dahulu berbanding kekasaran. Hikmah kasih sayang akan melembutkan hati para penerima dakwah terlebih lagi hati mualaf yang baru menerima hidayah daripada Allah SWT. Berdasarkan penjelasan di atas, jelas menunjukkan penggunaan bahasa lembut yang mudah difahami merupakan hikmah dalam penyampaian dakwah.

- **Persembahan Mesej Dakwah Menerusi Teknologi Digital**

Seiring dengan peredaran zaman kini, penting bagi seorang pendakwah menggunakan teknologi semasa seperti media sosial sebagai salah satu platform penyampaian dakwah. Hal ini kerana capaian teknologi yang lebih cepat dan pantas membolehkan informasi dapat diakses secara lebih senang dan mudah. Bahkan, melalui platform seperti *Facebook, Instagram, Tiktok, live streaming, Youtube, video, podcast* dan laman sesawang yang lain membantu pendakwah menggabungkan pengetahuan agama dalam dakwah digital dengan lebih bijaksana (Berhanundin

Abdullah, 2022). Justeru itu pendakwah perlu bijak mengawal audien melalui pendekatan dakwah yang berbeza terutama kepada mualaf yang sedang mendalami agama Islam. Siaran penyampaian dakwah yang disampaikan juga, dapat disimpan sebagai bahan *recording* sebagai satu alternatif mengulang kaji kembali ilmu yang sudah dipelajari. Ini kerana, tahap pengetahuan mualaf yang berbeza menuntut kepada pengulangan pengajaran dalam tempoh yang sesuai.

Selain itu, terdapat juga aplikasi mudah alih yang dapat membantu golongan mualaf mendapatkan maklumat tentang solat dengan lebih pantas seperti Waktu Solat Malaysia, Muslim: *Prayer Times,* dan mySolat. Mualaf juga dapat mencari arah kiblat yang betul dengan menggunakan teknologi digital ini melalui *Qibla Compass*, *Mykiblat*, dan *TheNoor* sebagai salah satu aplikasi yang sesuai digunakan. Menerusi penggunaan teknologi digital ini juga membantu mualaf untuk mempelajari al-Quran dengan lebih mudah melalui *Smart Quran, Quran for Android, MP3 Quran,* dan *The Holy Quran*. Justeru itu, peranan pendakwah adalah perlu meletakkan diri dalam dunia dakwah digital ini dan membantu mualaf dengan memperkenalkan aplikasi dan cara untuk mencapai maklumat dengan pantas dan sahih. Kesahihah suatu maklumat akan mengelakkan mualaf daripada terjebak dengan serangan pemikiran yang dibawa oleh masyarakat barat. Justeru, di sini memerlukan sikap pendakwah yang melakukan *tabayyun* sebelum menyampaikan dakwah dan ini merupakan antara hikmah dalam penyampaian.

Tabayyun sebagaimana penjelasan *Imam al-Syaukani* dalam *Fath al-Qadir*, *tabayyun* bermaksud memeriksa dengan teliti, berhati-hati, tidak tergesa-gesa, melihat dengan keilmuan yang mendalam terhadap suatu peristiwa dan khabar yang datang sehingga jelas dan terang. Pendakwah perlu menasihati dan memastikan mualaf mendapat ilmu yang sahih dengan melakukan *tabayyun* sebelum menyampaikan dakwah. Pendekatan ini juga sebagai satu pendekatan hikmah kerana Allah SWT memerintahkan supaya menyelidik dan mendapatkan kebenaran suatu perkhabaran yang disampaikan. Ini sebagaimana firman Allah SWT dalam surah *al-Hujurat* (49:6) berikut:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓاْ إِن جَآءَكُمۡ فَاسِقُۢ بِنَبَإٖ فَتَبَيَّنُوٓاْ أَن تُصِيبُواْ قَوۡمَۢا بِجَهَٰلَةٖ فَتُصۡبِحُواْ عَلَىٰ مَا فَعَلۡتُمۡ نَٰدِمِينَ ٦

Maksudnya: *Wahai orang-orang yang beriman! Jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berita, maka selidikilah (untuk menentukan kebenarannya), supaya kamu tidak menimpakan sesuatu kaum (dengan perkara yang tidak diingini) dengan sebab kejahilan kamu (mengenainya) sehingga menjadikan kamu menyesali apa yang kamu telah lakukan.*

Oleh demikian, jelas bahawa peranan pendakwah menerusi dunia teknologi digital ini tidak dapat dipisahkan dan pendakwah perlu bergerak seiring zaman bagi memenuhi keperluan mualaf melalui pendekatan yang pelbagai. Ketangkasan ilmu pendakwah dalam mencantas ideologi yang mendatangkan pengaruh tidak baik kepada mualaf diperlukan dalam era teknologi digital ini. Hal ini kerana, tidak semua perkara yang dimuatkan di dalam laman sesawang dan pelbagai medium teknologi mendatangkan sesuatu yang baik. Maka dapat dilihat bahawa konsep *tabayyun* di atas merupakan antara *al-hikmah* yang harus dimainkan oleh pendakwah sebelum menyampaikan dakwah agar mualaf dapat membezakan antara yang hak dan batil. Kebijaksaan pendakwah ini akan mencerminkan bahawa agama itu tidak dikalahkan oleh teknologi, bahkan agama yang membentuk teknologi dengan lebih baik.

KESIMPULAN

Kajian ini mendapati terdapat beberapa peranan pendakwah berdasarkan konsep *al-hikmah* kepada mualaf menurut perspektif al-Quran. Segala yang telah digariskan oleh Allah SWT dalam al-Quran adalah perkara hak yang tidak dapat dicanggah oleh pelbagai pihak. Ini kerana al-Quran merupakan sumber teragung yang telah ditinggalkan oleh Rasulullah SAW kepada umat baginda. Justeru itu, peranan pertama yang dapat dijelaskan oleh pengkaji adalah tentang peranan pendakwah sebagai *qudwah hasanah* atau *role model* kepada mualaf. Pendekatan dakwah secara *al-hikmah* ini dapat dilihat daripada sikap pendakwah yang berakhlak dengan peribadi yang baik dan mempunyai personaliti yang unggul. Hal ini kerana, sikap dan peribadi pendakwah yang tidak bersakhsiah akan membawa kepincangan kepada agama dan menimbulkan permasalahan dalam mendekati golongan mualaf (Izzaty Ulya, 2018). Pendakwah bukan sahaja perlu menitikberatkan peranan dari segi fizikal semata-mata, bahkan perlu menguruskan emosi mualaf dengan baik. Pengurusan emosi mualaf yang baik membantu mualaf untuk lebih bersemangat menuntut ilmu agama Islam dengan lebih tenang dan mudah (Nur A'thiroh Masyaa'il dan Fariza Md Sham, 2009). Oleh demikian, pendakwah perlu menjadikan Rasulullah SAW sebagai ikutan dan qudwah hasanah yang baik sebagaimana yang telah dijelaskan oleh Allah SWT dalam

firman-Nya pada surah *al-Ahzab* (33.21). Semangat juang Rasulullah SAW dan hikmahnya sikap baginda menyampaikan dakwah telah membawa Islam dikenali di seluruh pelusuk dunia kini. Kini, peranan tersebut perlu dimainkan oleh pendakwah agar agama Islam lebih dikenali di mata dunia dan mendidik mualaf mengajak golongan bukan Islam untuk menerima ajaran agama Islam.

Selain itu, peranan pendakwah berdasarkan konsep *al-hikmah* kepada mualaf adalah dengan menyampaikan dakwah mengikut tahap pengetahuan mualaf. Mesej dakwah yang perlu diperincikan oleh pendakwah kepada mualaf perlu meliputi tiga tunjang utama dalam Islam iaitu akidah, syariat dan akhlak (Aini Sofia, 2020). Allah SWT juga telah menyenaraikan beberapa skop akidah di dalam al-Quran sebagaimana firman-Nya dalam surah *al-Baqarah* (2:285) iaitu kepercayaan yang utuh kepada Allah (s.w.t), malaikat, kitab, rasul, hari kiamat dan qada' qadar Allah SWT (Aini Sofia & Berhanundin Abdullah, 2018). Justeru itu, mesej dakwah ini kemudiannya perlu disampaikan kepada mualaf mengikut tahap penerimaan mereka, ini kerana setiap tahap pengetahuan mualaf adalah berbeza-beza mengikut pengetahuan masing-masing. Sekiranya, penyampaian yang disampaikan pendakwah tidak bersesuaian dengan tahap penerimaan mualaf, ini akan menyebabkan mualaf tidak menunjukkan minat mendalami agama Islam sehinggakan masih terdapat mualaf yang tidak mampu membaca al-Quran, tidak mampu menunaikan ibadah dengan baik dan mengasingkan diri daripada menyertai kelas fardu ain (Zulkifli Hamid (2013), Faizal Arif (2013), Yusof Marlon et.al (2017), & Aini Sofia (2020)).

Seterusnya, peranan pendakwah adalah menggunakan pendekatan bahasa yang mudah, lembut, dan difahami oleh mualaf. Penggunaan dielek bahasa yang sesuai membantu mualaf memahami isi pengajaran dengan menyeluruh. Ini kerana terdapat mualaf yang tidak mampu mengusai bahasa Melayu dengan baik dan memerlukan kepada penterjemahan yang sesuai dengan bahasa mereka. Justeru, berdasarkan kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji terhadap mualaf di Kelantan, menunjukkan peranan pendakwah yang menguasai bahasa selain bahasa Melayu menambah minat dan pengetahuan mualaf dengan lebih mudah. Kefahaman agama dalam kalangan mualaf akan menjadi lebih mendalam dan efisien terutamanya apabila mualaf yang berasal daripada agama dan bangsa lain sendiri yang menjadi tenaga pengajar di pusat-pusat pengajaran dan kelas-kelas fardu ain (Aini Sofia,2020). Seterusnya, sikap toleransi pendakwah dalam pengajaran kepada mualaf membantu mualaf mendalami ilmu dengan baik dan membentuk satu komunikasi yang berkesan sepanjang tempoh pengajaran. Terdapat

pendakwah yang menggunakan panggilan tertentu sepanjang kelas berlangsung seperti memanggil mualaf dengan panggilan kakak, abang, ustaz, ustazah, ahlul jannah dan sebagainya (Noraini Mohamad dan Mariam Abd Majid,2019). Panggilan yang baik daripada pendakwah ini membentuk satu pendekatan hikmah dalam melahirkan hubungan yang sejahtera sesama manusia meski mualaf tersebut terdiri daripada berbilang bangsa. Peranan berdakwah secara hikmah dan lemah lembut ini sebagaimana yang telah dilakarkan oleh kisah yang terjadi antara Nabi Musa AS dan Firaun. Meski pemerintahan Firaun penuh dengan kezaliman dan kekerasan, namun Allah SWT tetap memerintahkan supaya Nabi Musa AS berbicara dan menyampaikan dakwah secara hikmah dan lembut sebagaimana firman Allah SWT dalam surah Taha (20:44).

Peranan pendakwah kepada mualaf juga dapat dilihat bilamana pendakwah bersifat *al-hikmah* menggunakan teknologi semasa dalam penyampaian mereka. Teknologi semasa membentuk dakwah digital dengan lebih pantas dan tangkas. Pendakwah yang mahir dalam bidang teknologi dan dakwah digital ini akan membuka peluang pengajaran yang lebih luas kepada mualaf. Hal ini kerana, kaedah pengajaran dan pembelajaran akan lebih mudah dicapai dan diakses oleh mualaf terutamanya apabila terdapat sebarang kemusykilan atau permasalahan dalam memahami ajaran agama Islam. Kemudahan dakwah digital dan teknologi ini mampu membentuk satu pendekatan dakwah yang baharu dalam dunia dakwah bilamana pengetahuan agama dan teknologi digabungkan secara baik (Berhanundin Abdullah, 2022). Sudah tentu, peranan yang lebih mencabar dalam kalangan pendakwah diperlukan dalam era yang serba canggih ini dan memerlukan sikap tabayun sebelum menyampaikan dakwah kepada mualaf. Sudah pasti suatu teknologi dibentuk mempunyai suatu kelebihan dan kekurangan yang pelbagai. Jika mualaf mudah menerima penyampaian daripada laman sesawang atau video, ini juga akan menimbulkan kekurangan apabila suatu penyampaian yang diterima bercanggah dengan Islam. Jelas di sini sikap dan peranan pendakwah penting dalam melakukan penyelidikan dan *tabayyun* tentang suatu perkara yang diserap oleh mualaf dalam kehidupan mereka. Allah SWT juga telah berfirman dalam surah *al-Hujurat* (49:6) supaya melakukan tabayun sebelum menyampaikan sebarang perkhabaran.

Justeru itu, peranan pendakwah berdasarkan konsep *al-hikmah* kepada mualaf merupakan satu kajian yang dijalankan oleh pengkaji secara kajian kualitatif bertujuan bagi melihat apakah peranan pendakwah dalam menyampaikan dakwah kepada mualaf secara konsep *al-hikmah*

berdasarkan perspektif al-Quran. Kerelevanan kajian ini dalam melihat peranan pendakwah berdasarkan konsep *al-hikmah* kepada mualaf berdasarkan panduan al-Quran daripada surah an-Nahl ayat 125 di mana Allah SWT telah menggariskan suatu pendekatan khas kepada pendakwah dalam menyampaikan agama Islam. Terdapat beberapa peranan yang diperincikan oleh pengkaji antaranya adalah peranan pendakwah sebagai *qudwah hasanah* kepada mualaf, penyelarasan dalam menyampaikan mesej dakwah yang utama mengikut tahap penerimaan mualaf, penggunaan bahasa yang lembut dan mudah difahami, dan menggunakan teknologi dakwah digital dalam penyampaian pendakwah. Oleh demikian, jelas bahawa peranan pendakwah ini memberikan impak yang positif dan penerimaan yang baik dalam diri mualaf apabila mualaf dapat menjalankan kehidupan sebagai seorang yang beragama Islam dengan sempurna.

PENGHARGAAN

Sekalung penghargaan dan jutaan terima kasih kepada Fakulti Pengajian Kontemporari Islam di atas sokongan dan kemudahan bagi menjalankan penyelidikan ini.

RUJUKAN

Ab. Aziz Mohd Zin. (2001). *Metodologi Dakwah*. Kuala Lumpur. Penerbit Universiti Malaya.

Aini Sofia Che Daud & Berhanundin Abdullah. (2018). *Peranan Wanita Islam Dalam Menyampaikan Mesej Dakwah Kepada Masyarakat Menurut Perspektif al-Quran*. International Social Science and Humanities Jurnal. Volume 1. Number 1 2018. E-ISSN: 2637-0271.

Aini Sofia Che Daud. 2020. *Persepsi Da'I Terhadap Kerelevanan Dan Penyampaian Mawdu' Dakwah Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan Kepada Mualaf*. Fakulti Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin. Kuala Terengganu.

Al-Bayanuni, Muhammad Abu Al-Fath. (2010). al-Madkhal Ila 'Ilmi al-Da'wah. Al-Resalah Al-A'lamiah LTD. Beirut.

Ali ibn Saleh al-Murshid. (1989). *Mustalmizat al-Da'wah fi al-Asr al-Hadir*. Damanhur.

Berhanundin Abdullah. (2022). *Digital Da'wah in the development of Islam in Malaysia.*BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences, Vol. 5 No. 3.

Faizal Arif Tajul Arifin. (2013). *Dahulu Mualaf Kini Murtad*. Kertas kerja Persidangan Antarabangsa Pembangunan Mullaf, 7-8 Sept.

Fariza Hanan Muhamad, Kalthom Husain & Puziah Abdul Wahab (2016). *Uslub Dakwah Menurut Perspektif Al-Quran. Seminar Antarabangsa Akidah, Dakwah dan Syariah.* Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).

Ibrahim Abdullah al-Mutlaq. (2010). *Al-Tadarruj fi Dakwah al-Nabiy. Markaz al- Buhutwa al-Dirasat al-Islamiyyah.*

Izzaty Ulya Munirah Ab Aziz dan Zainah Ismail. (2018). *Trait Personaliti Pendakwah Muslim: Satu Sorotan Literatur.* Jurnal Al-Hikmah. Jilid No. 10 (1). ISSN 1985- 6822.

Nor Raudah Hj. Siren. (2013). *Retorik Penulisan Dakwah.* Universiti Malaya. Kuala Lumpur. Penerbit Universiti Malaya.

Noraini Mohamad & Mariam Abd. Majid. (2019). *Aplikasi Konsep Hikmah Dalam Pengajaran Saudara Baharu: Kajian Di Institut Latihan Dakwah Selangor (ILDAS).* Internasional Islamic University College Selangor.

Noreha Che Abah, Asmawati Suhid dan Fathiyah Mohd Fakhrudin (2019). *Isu dan cabaran saudara baharu di Malaysia: Satu Tinjauan Awal*. Jurnal AL-ANWAR, Vol 8 (2), 1-13.

Nur A'thiroh Masyaa'il Tan Abdullah & Fariza Md Sham. (2009). *Keperluan Memahami Psikologi Saudara Muslim.* Jurnal Hadhari Bil(2) 83-97. JAKIM & UKM.

Rohana Yusof. (2004). *Penyelidikan Sains Sosial*. Kuala Lumpur: PTS Publications & Distributors.

Sheikh Abdullah Basmeih. (2010). *Tafsir pimpinan al-rahman kepada pengertian Al-Qur'an: (30 juz) Cetakan ke-21.* Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan.

Siti Rugayah Hj Tibek, Fariza Md Sham & Muhammad Hilmi Jalil. (2014). *Pembangunan Dakwah Mualaf.* Bangi. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Taylor, SJ dan R Bogdan. (1984). *Introduction to Qualitative Research Methods: The Search for Meanings.* Second Edition. John Wiley and Sons. Toronto.

Zaini Ujang. (2009). *Menghayati Budaya Ilmu Faham Ilmu, Amalan dan Panduan.* Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.

Zulkifli bin Abdul Hamid. (2013). *MAIS Komited Mantapkan Akidah Saudara Baru*. Selangor.